

SEMINAR PEGAWAI KANAN MATERIEL TAHUN 2019

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5546-seminar-pegawai-kanan-materiel-tahun-2019

IPOH, 24 Okt 19 – MTU Bahagian Materiel telah menganjurkan Seminar Pegawai Kanan Materiel Tahun 2019 dari 21 Okt hingga 24 Okt 19 di Impiana Hotel, Ipoh.

Seramai 75 orang peserta terdiri daripada Pegawai Kanan Materiel, Ketua Cawang Materiel, Ketua Terminal Peluru, Ketua MATRA dan Pegawai Staf di peringkat MTU hadir ke seminar ini.

Seminar ini merupakan satu platform untuk memberi informasi dan membincangkan pelan tindakan interim dan jangka panjang dalam mendokong CAP 55 di semua peringkat pengurusan disamping memperkasakan serta menentukan halatuju tred Materiel ke landasan terbaik.

Dikesempatan ini, Bahagian Materiel turut mengadakan Mesyuarat Panel Talent Management Materiel (PTMM Siri 3/19) untuk membincangkan pembangunan kerjaya pegawai dan anggota LLP dalam memacu tred Materiel ke arah kecemerlangan.

Asisten Ketua Staf Materiel, Brig Jen Dato' Dr Mohd Yunus bin Masjuki TUDM telah hadir bagi menyempurnakan majlis pembukaan dan penutup seminar ini yang turut disertai oleh Ketua Pengarah Operasi Logistik Markas ATM dan Ketua Staf Khidmat MPBU.

